

23 MAY 2000

MAHATHIR-PENSWASTAAN

ENTITI PENSWASTAAN MESTI DISOKONG, KATA DR MAHATHIR

KUALA LUMPUR, 23 Mei (Bernama) -- Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad berkata entiti penswastaan mesti disokong, malah diberikan subsidi oleh kerajaan bukan kerana entiti itu mahu membantu para pelabur membuat keuntungan tetapi ia tidak mahu pengguna membayar terlalu banyak bagi perkhidmatan yang diterimanya.

Ia perlu diingati bahawa kerajaan masih mengutip pelbagai cukai daripada rakyat dan oleh itu mereka berhak membayar kurang daripada kos perkhidmatan sebenar yang mereka terima, katanya.

"Memindahkan aset yang tidak memberi pulangan kepada kerajaan masih bukan merupakan pengorbanan tetapi ia membantu dalam mengurangkan kos modal," katanya ketika merasmikan forum ketiga Asia-Afrika dis ini hari ini.

Dr Mahathir berkata dalam kes tol lebuhraya, kerajaan menjual keseluruhan bahagiannya di bawah nilai kos supaya jumlah kos pembinaan lebuhraya itu dapat dikurangkan dan kadar tol adalah rendah.

"Menjual aset kerajaan pada harga pasaran akan menyebabkan kos perkhidmatan mahal, menjadikan kos penggunaan tinggi dan ...(projek) akhirnya berkemungkinan rugi atau gagal kerana kadar penggunaannya rendah.

"Oleh itu penswastaan menjadi tidak popular dan begitu juga dengan kerajaan," katanya.

Dr Mahathir berkata hasil penswastaan di Malaysia adalah memuaskan dan ia tidak membabitkan penjualan aset kerajaan kepada pihak asing bagi mendapatkan tukaran matawang untuk menyelesaikan hutang.

"Kebanyakannya kita jual kepada rakyat Malaysia meskipun kita membenarkan peratusan tertentu dijual kepada pelabur asing, terutama rakan kongsi strategik," katanya.

"Tidak mempunyai terlalu banyak ekuiti asing bermakna kurang pengaliran wang keluar dari negara ini," katanya.

Bagi rakyat, mereka menikmati kemudahan dan infrastruktur yang lebih baik. Sistem lebuhraya merupakan contoh manfaat yang dinikmati oleh rakyat daripada kaedah penswastaan di negara ini, katanya.

"Bagaimanapun kita juga perlu menerima hakikat bahawa jika sektor swasta tidak kukuh dan cekap, kita akhirnya mungkin perlu menyusunnya semula," katanya.

"Dalam sesetengah hal, adalah lebih baik menerima penyertaan syarikat asing yang kukuh dan berkeupayaan bagi meminimumkan kegagalan (tetapi) keperluan itu tidak harus membabitkan jualan terus kerana jika ini kita lakukan, keuntungan akan mengalir keluar," katanya.

Dalam era maklumat, Dr Mahathir berkata masyarakat mesti kaya maklumat dan berdaya cipta dalam aplikasi maklumat mereka.

"Sementara kita menyambut baik peluang-peluang bagi perniagaan baru, kita mungkin akan kehilangan banyak akibat sesetengah daripadanya," kata beliau.

Merujuk kepada Amazon.com, yang pengasasnya menjadi Time's Man of the Year, beliau berkata: "Kita boleh membeli hampir kesemuanya yang kita mahu daripada Amazon.com dan mereka akan menghantarnya ke pintu rumah kita melalui pengusaha perkhidmatan penghantaran antarabangsa."

Harga akan lebih rendah kerana syarikat itu menempah barangan dengan jumlah yang banyak dan mendapat kadar pengiriman yang terbaik.

"Yang nyatanya, para pengguna di mana sahaja akan mendapat manfaat, tetapi sebaliknya pengimport tempatan, ejen, pengedar dan pemborong akan

kehilangan perniagaan," katanya.

Kerajaan tidak dapat memperolehi cukai daripada perniagaan ini atau daripada duti import, manakala pekerjaan pula akan semakin hilang.

Perdana Menteri juga berkata pengeluar barangan dan perkhidmatan terpaksa menerima keuntungan yang semakin berkurangan.

Bagi pekerja pengeluaran, mereka akan menerima upah yang lebih rendah dan pengeluaran mungkin terpaksa dipindahkan ke negara yang menawarkan kadar upah rendah menyebabkan negara-negara yang menawarkan kadar upah yang tinggi kehilangan pekerjaan.

Saham-saham syarikat perkilangan dan perkhidmatan akan susut nilai sementara saham syarikat dotcom akan melambung 100 kali ganda, lalu mewujudkan rasa kaya dalam diri seseorang, (dan) jika syarikat itu runtuh, tidak ada aset untuk diagihkan.

Pengasas asal mungkin telah memperolehi keuntungan daripada modalnya sedangkan pelabur yang telah membelinya pada harga yang tinggi akan mendapati mereka hanya memiliki kekayaan maya yang tidak bernilai.

"Maklumat boleh memperkayakan kita, tetapi tanpa peraturan dan undang-undang, ia boleh memiskinkan dan memusnahkan kita," katanya.

"Oleh itu jangan menerima semua yang dibuat atas nama globalisasi dan pengaliran bebas modal dan barangan yang kononnya tidak boleh dielakkan dalam era maklumat."

Menyentuh mengenai pengalaman Malaysia dalam bidang pertanian, beliau berkata ia tidak berbeza dengan pengalaman negara-negara lain.

"Hari ini, kita menggunakan teknologi tinggi untuk menanam lebih banyak makanan untuk kegunaan kita dan eksport. Kita semakin terbabit dalam bidang akuakultur dan pembiakan ternakan terpilih dan kita juga berubah daripada tanaman satu jenis tanaman kepada pertanian campuran dan penggiliran.

"Kita sekarang mengimport makanan bernilai hampir-hampir AS\$3 bilion tetapi kita mengeksport AS\$2.5 bilion," kata Dr Mahathir.

Menurutnya strategi baru sudah dibangunkan bagi pertanian dan pengalaman negara menunjukkan bahawa ladang yang besar dan moden mendapat hasil yang lebih baik daripada ladang yang diurus oleh individu.

"Kita tidak boleh menutup atau menggabungkan ladang-ladang kecil tetapi kita mempunyai ladang besar sebagai nukleus dengan ladang-ladang kecil sebagai satelit yang menggunakan kemudahan ladang besar. Akhirnya, ladang-ladang di Malaysia akan menjadi ladang yang cekap."

Dalam usaha itu, Dr Mahathir berkata "universiti-universiti kita kini menawarkan kursus dalam pengurusan ladang campuran. Kita harap mampu menangani antara kejayaan dalam dasar pendidikan dan penghijrahan dari ladang ke bandar."

Beliau juga berkata bahawa matlamat Dasar Pertanian Kebangsaan ketiga baru-baru ini dikaji semula bagi memastikan bahawa sumbangan sektor makanan kepada Keluaran Dalam Negara Kasar meningkat daripada 3.0 peratus atau RM6.1 bilion kepada 6.0 peratus atau RM12.5 bilion.

"Pendekatan baru ini akan ditumpukan kepada mengubah proses sebelum pengeluaran, semasa pengeluaran dan selepas pengeluaran dan akan konsisten dengan usaha K-Ekonomi kita.

"Apa yang telah kita pelajari dan relevan kepada negara-negara Afrika ialah perlunya keseimbangan antara pelbagai faktor, antara industri dan tanaman makanan bagi memastikan daya tahan sektor itu dalam tempoh jangka masa panjang, cukup untuk kegunaan sendiri dan yang lebih penting lagi, bagi melindungi kepentingan penduduk yang terbabit."

Dr Mahathir berkata Asia dan Afrika kini harus bergerak ke hadapan untuk menjalin hubungan sebagai rakan kongsi bijak yang boleh menjurus kepada situasi menang-menang dan forum itu patut melihat cara dan kaedah bagi merapatkan lagi hubungan perdagangan sesama mereka.

"Kita mungkin perlu memperkenalkan pendekatan inovatif, menghapuskan

sekatan sedia ada dan melaksanakan peraturan pembayaran dua hala.

"Kita juga patut menimbang peraturan perdagangan antara kawasan, meningkatkan promosi perdagangan menggunakan matawang selain dolar Amerika Syarikat bagi menjelaskan pembayaran dan menerimapakai perdagangan timbal balas," katanya.

-- BERNAMA

DVS/SHY LAT